

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)62

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

62. Nyatakan bilakah penjualan 30 ekar tanah di Batu Kawan kepada Tzu-Chi Malaysia dengan harga RM40 sekaki persegi dapat disempurnakan tanpa PDC mengenakan syarat tambahan seperti membina jalan agar ia serupa dengan syarat penjualan sebelumnya kepada Tzu-Chi pada tahun 2018.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

62. Penjualan tanah bagi plot kedua hanya akan disempurnakan setelah pihak Tzu Chi bersetuju dengan semua syarat-syarat yang terdapat di dalam kelulusan penjualan.

Syarat yang dikenakan ini bukanlah merupakan syarat tambahan tetapi merupakan syarat terdahulu yang kekal berdasarkan surat perjanjian yang telah ditandatangani ketika penjualan plot pertama pada tahun 2019 seperti syarat pembinaan Jalan Lingkaran Cassia Timur dan Parit Monsoon.

Sebagai makluman juga, pihak Tzu Chi ditawarkan pada harga asal terdahulu meskipun terdapat syarat di dalam surat perjanjian

pertama yang dengan jelas menyatakan bahawa harga bagi plot kedua hendaklah pada kadar nilai Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH).